

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]  
TARIKH : 02 NOVEMBER 2021 (SELASA)

**SOALAN**

**DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan pihak Kementerian bagi menangani peningkatan jumlah wang keluar sehingga menyebabkan negara kerugian melebihi RM1 bilion.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kewangan memerlukan sumber rujukan yang lebih jelas berhubung dengan pendedahan yang dibangkitkan. Sekiranya merujuk kepada perkara yang dikeluarkan oleh *Global Financial Integrity* (GFI), laporan mengenai aliran keluar wang haram bagi Malaysia adalah terlebih nyata (*overstated*) serta secara tidak wajar menganggap *errors and omissions* (E&O) yang timbul akibat percanggahan dalam proses kompilasi data sebagai bersamaan dengan aliran kewangan haram.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang menyeluruh untuk menangani kegiatan haram dan mengurangkan aliran wang haram secara progresif telah dilaksanakan termasuklah:

- i. Aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) [Akta 613] dan akta-akta berkaitan yang merangkumi langkah pencegahan dan penguatkuasaan terhadap kegiatan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti jenayah berat yang lain.
- ii. AMLA bukan sahaja dikuatkuasakan oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM), tetapi turut dikuatkuasakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Justeru, tindakan penguatkuasaan termasuk pembekuan dan penyitaan aset yang dimiliki oleh mana-mana individu yang terlibat dalam aktiviti haram, pendakwaan oleh pendakwaraya dan pelucuthakan oleh pihak Mahkamah di bawah AMLA boleh dilakukan oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang menjalankan siasatan di bawah Akta yang dikawal selia oleh agensi tersebut.
- iii. Dari segi aktiviti pencegahan, antara peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah AMLA adalah seperti pengisytiharan mata wang di pintu masuk/keluar negara dan pelaporan mandatori oleh bank-bank berkaitan transaksi tunai yang mana telah dikurangkan daripada RM50,000 kepada RM25,000 berkuatkuasa 1 Januari 2019. Di samping itu, institusi-institusi pelapor dalam Jadual Pertama AMLA, termasuk institusi perbankan perlu mematuhi peraturan pencegahan pengubahan wang haram atau pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT) serta obligasi pelaporan seperti menjalankan proses usaha wajar pelanggan (*Customer Due Diligence*) dan memfailkan laporan transaksi mencurigakan (*Suspicious Transaction Report, STR*) dan laporan ambang tunai (*Cash Threshold Report, CTR*) kepada BNM.
- iv. Aktiviti penyelarasan dan aktiviti penguatkuasaan bersama juga telah dilaksanakan, terutamanya melalui *National Anti-Financial*

*Crime Centre* (NFCC) yang menfokuskan kepada jenayah kewangan dan ketirisan sumber negara, di samping aktiviti penguatkuasaan dan kawalan sempadan termasuk pemantauan aliran wang tidak sah.

- v. Berkaitan aktiviti pengiriman wang tanpa lesen, BNM telah meningkatkan pemantauan dan perisikan dalam mengesan aktiviti kiriman wang tanpa lesen. Ini menyumbang kepada peningkatan penguatkuasaan yang menyasarkan aktiviti kiriman wang tanpa lesen samada aktiviti bersindiket dan juga operator-operator runcit. Bagi tempoh 2017 sehingga 2020, tindakan penguatkuasaan telah dipertingkatkan di mana 64 kes telah didakwa di mahkamah, melibatkan lebih RM11 juta jumlah denda dan perlucuthakan harta.

Sekian, terima kasih.